



# SIARAN MEDIA

## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SEMPADAN DARAT ANTARA NEGERI SELANGOR DENGAN NEGERI SEMBILAN

Perjanjian sempadan darat hari ini di antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan telah menyelesaikan jajaran sempadan darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan dengan jarak sepanjang 111.9 km yang bermula dari titik pertemuan sempadan 3 negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor serta Pahang dan berakhir di muara Sungai Sepang.

Titik akhir tersebut akan dijadikan sebagai titik permulaan bagi kedua-dua negeri untuk memulakan rundingan penentuan sempadan maritim hingga ke laut wilayah negeri. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berharap agar kerjasama erat dan persefahaman antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Sembilan akan dapat diteruskan sehingga termeterainya Perjanjian Sempadan Maritim antara kedua-dua negeri.

Penentuan jajaran sempadan yang jelas antara negeri akan turut membolehkan aktiviti penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dijalankan dengan berkesan bagi mencegah berlakunya pencerobohan tanah dan penerokaan sumber secara tidak sah. Selain itu, pengurusan serta pembahagian hasil-hasil sumber asli di kawasan-kawasan sempadan juga dapat dilaksanakan dengan cekap bagi manfaat penduduk di kedua-dua negeri.

Menteri KeTSA, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Sempadan Darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan yang telah diadakan di Sepang, Selangor.

Perjanjian Sempadan Darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan ditandatangani oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari dan Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun. Turut hadir ke majlis berkenaan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBhg Dato' Haji Rosli bin Isa, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Muhamad Nahar bin Haji Mohd Sidek dan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, YBrs. Sr Mohammad Zaki bin Mohd. Ghazali.

Dalam majlis berkenaan, YB Datuk Seri Takiyuddin turut merakamkan ucapan penghargaan kepada pasukan kerja ukur daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang telah terlibat dalam kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan bermula dari 5 Mei 2016 hingga siap sepenuhnya pada 17 Mac 2018.

Beliau turut berharap agar negeri-negeri lain yang masih belum memuktamadkan jajaran sempadan masing-masing supaya dapat menyelesaikannya dengan segera. Penyelesaian sempadan darat antara negeri adalah penting bagi membolehkan Kerajaan-Kerajaan Negeri merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan sempadan dengan lebih teratur dan bersepadu. Mengambil contoh sempadan antara negeri Selangor dan Negeri Sembilan yang sedang pesat membangun, pembukaan kawasan-kawasan perindustrian dan perbandaran baharu seperti di Sepang dan Nilai dapat dirancang dan dioptimumkan bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**4 JULAI 2022**